



Dilema Perbankan Dan Kewangan Islam: Analisis Dimensi Fiqh Dan *Maqasid Al-Syariah*

***The Dilemma in Islamic Banking and Finance: Analysis
From the Dimensions of Fiqh and Maqasid Al-Syariah***

**Perbankan &
Kewangan
Islam**

FAKHRI BIN SUNGIT

&

KHAIRUL ANUAR BIN AHMAD (Corresponding Author)
Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bangi Selangor
fakhri@kuis.edu.my, khairulanuar@kuis.edu.my

18

Submitted: 29 January 2018
Revised: 27 March 2018
Accepted: 9 April 2018
E-Published: 10 April 2018

ABSTRAK

Kemunculan institusi perbankan dan kewangan Islam sejak awal tahun tujuh puluhan memberi impak yang signifikan terhadap kesedaran umat Islam dalam memilih aspek kewangan yang berlandaskan hukum Islam. Cabaran yang dilalui sepanjang hampir lima puluh tahun tidak hanya tertumpu kepada pembangunan fizikal dan infrastruktur, malahan cabaran yang lebih hebat ialah untuk mendepani pertembungan idea antara doktrin ekonomi Islam yang berpaksikan prinsip *maqasid al-Syariah* yang dipelopori oleh sarjana ekonomi Islam dan juga pengamal industri perbankan yang bersikap realistik dalam amalan perbankan. Kertas ini bertujuan untuk merungkai pertembungan kepentingan antara pihak industri dan masyarakat awam dan bagaimana untuk merapatkan perbezaan antara idea fiqh yang bersifat tekstual dengan keperluan merealisasikan matlamat yang berteraskan semangat syarak. Metodologi yang digunakan adalah kajian kualitatif dengan menggunakan instrumen keperustakaan dengan mendapatkan sumber-sumber bacaan seperti kitab *turath*, kajian ilmiah melalui tesis dan artikel jurnal untuk mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan. Kajian ini juga menggunakan analisis secara deduktif. Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa pertembungan antara cara (*wasilah*) dan matlamat (*maqasid*) telah dibahaskan lebih awal dengan merujuk kepada literatur para ulama' klasik di samping mengharmonikan pertembungan dua idea ini dengan memperkemas kaedah analisis dalam memahami konteks permasalahan secara inklusif.

Kata Kunci: Perbankan, Kewangan, *Maqasid al-Syariah*, Fiqh dan Akad





ABSTRACT

The emergence of Islamic banking and finance since the beginning of seventies impacted significantly to the awareness of Muslims in choosing financial aspects according to Islamic tenets. Since almost fifty years ago, the challenges were not only confined in the physical and infrastructure development but rather in facing through the clash of ideas between Islamic economic doctrine of *maqasid al-Syariah* principles which is founded by Islamic economic scholars and banking practitioners who are practically realistics. This paper aims to shed lights on the clash of interests between the industry and the society, and how to nominal the gap between the textual ideas of *fiqh* discipline and the need of realization of ends which is maqasidic based. The methodology employs qualitative research which encompasses library sources and readings such as Islamic heritaged books, academic researches via theses and article journals in acquiring the data and relevant information. This study also employs deductive analysis. The result indicates that the clash between means (*wasilah*) and ends (*maqasid*) had been discussed in the literatures by the classical jurists and harmonized between the two ideas by reconciling the analysis methodology while understanding the context of the problems inclusively.

Keywords: Banking, Finance, *Maqasid al-Syariah*, Fiqh and Contract

PENGENALAN

Demi mendepani cabaran isu muamalat di dunia Islam, perbankan dan kewangan Islam mula diperkenalkan sejak awal 70an sebagai satu percubaan untuk memberikan alternatif kewangan kepada umat Islam yang patuh syarak selain daripada pilihan perbankan konvensional yang dilihat amat terdedah kepada isu riba dan *gharar*. Walaupun berlaku krisis identiti yang menjadi cabaran utama pada awal kemunculan -- penyediaan infrastruktur dan pembangunan fizikal --- namun selepas 40 tahun institusi kewangan Islam kini mampu bersaing di peringkat global di samping memperkasakan prestasi kedudukan patuh syariah bukan sahaja dari sudut teknikal dan bentuknya tetapi juga mampu --- atau sekurang-kurangnya --- memenuhi pencapaian matlamat dan objektif syarak. Namun dilema yang menjadi cabaran besar dalam industri perbankan dan kewangan Islam adalah apabila terdapat pertembungan antara kepentingan institusi perbankan dan kepentingan awam. Pertembungan kepentingan ini melibatkan penyediaan produk perbankan Islam yang bukan sahaja mampu memenuhi keperluan objektif syariah (*maqasid al-syariah*) dan memberi nilai tambah kepada pengguna, malah dalam masa yang sama tidak mengenenpikan matlamat keuntungan dan nilai komersialnya. M. Akram (2013) melihat *maqasid al-syariah* adalah penting untuk melengkapkan hukum fiqh sedia ada yang hanya tertumpu kepada hubungan mikro di antara institusi perbankan dan kewangan Islam. Pada pandangan beliau, *maqasid al-syariah* perlu menjangkau kesan makro aplikasi akad-akad muamalat ke atas masyarakat dan dijadikan panduan dalam pembangunan kewangan Islam di masa hadapan.



Sesebuah bank yang berasaskan prinsip Islam adalah mustahil ditubuhkan atas konsep faedah atau riba. Ini sangat bertentangan dengan asas muamalat Islam iaitu menjauhi amalan riba seperti yang dijelaskan di dalam al-Quran. Firman Allah SWT:

Orang-orang yang memakan (mengamalkan) riba tidak dapat bangun melainkan seperti bangunnya orang yang dirasuki syaitan. Yang demikian itu kerana mereka mengatakan (berpendapat) sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba. Pada hal Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Maka barang siapa yang sampai kepadanya laranagn riba dan dia berhenti, maka terserahlah kepada Allah, dan sesiapa yang mengulami amalan riba), maka mereka adalah penghuni-penghuni neraka yang kekal di dalamnya.

(Al-Baqarah, 2: 275)

Oleh yang demikian, banyak tenaga dan pemikiran telah dicurahkan oleh para fuqaha dan ulama kontemporari dalam bidang kewangan Islam untuk memastikan amalan perbankan dan kewangan moden pada hari ini dapat menjauhi amalan riba, walaupun operasi perbankan mempunyai risiko yang tinggi sebagai medium amalan riba yang ditegah oleh Allah SWT. Ini disebabkan oleh *nature* institusi bank itu sendiri yang berdiri sebagai perantara dan pengurus kewangan antara orang awam dengan orang awam yang lain. Maka setiap transaksi yang melibatkan aliran wang itu mesti diyakini mengikut perturan yang ditetapkan syarak. Keyakinan yang wujud hendaklah ditunjangi dengan akad yang jelas dan tidak bersalahan dengan elemen riba, *gharar* dan *maisir*.

Dalam perkembangan perbankan dan kewangan Islam di Malaysia khususnya, setiap institusi dikehendaki mewujudkan ahli jawatankuasa dan penasihat Syariah sebagai cara untuk memastikan setiap operasinya berjalan mengikut kehendak syarak (Suhaimi & Ahmad, 2008). Kebanyakan mereka adalah terdiri daripada pegawai yang mempunyai latar belakang akademik dan pakar dalam bidang perbankan dan kewangan Islam. Tambahan pula sejak 1993, institusi bank konvensional mula diberikan kebenaran untuk menyediakan perkhidmatan perbankan Islam (Sung, 2011). Perkembangan ini menjadikan industri perbankan dan kewangan Islam memasuki fasa kematangan, namun isu yang berkait dengan pertembungan kepentingan ini masih lagi menjadi dilema dan penyelesaian konkrit masih belum mampu dicapai.

HUKUM FIQH DAN MAQASID AL-SYARIAH

Elemen hukum sangat dekat dengan kehidupan seorang Muslim. Sebarang jenis perbuatan akan dinilai dari sudut halal dan haram termasuk dalam hal ibadah dan muamalat. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW iaitu:



إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى
الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ الرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ
الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ.

Sesungguhnya perkara yang halal itu terang jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu terang jelas, dan di antara kedua perkara tersebut ada perkara-perkara syubhat yang kesamaran yang kebanyakan orang tidak mengetahuinya. Barangsiapa yang menjaga perkara syubhat maka sesungguhnya dia telah membersihkan agamanya dan maruah dirinya. Dan barangsiapa yang terjatuh dalam perkara syubhat, maka dia telah jatuh dalam perkara haram, umpama seorang penggembala yang menggembala di sekeliling kawasan larangan, dibimbangi dia akan menceroboh masuk ke dalamnya.

(Sahih Muslim, Kitab al-Musaqat, Bab Akhaza al-Halal wa Taraka al-Syubhat, No. 1599)

Dalam hadis ini menerangkan bahawa seorang Muslim itu tidak mampu untuk melarikan diri daripada perkara halal dan haram di dalam hidupnya. Melakukan yang halal dan meninggalkan yang haram adalah suatu suruhan oleh Allah SWT. kepada seorang Muslim demi menjaga kemuliaan agamanya. Perkara yang kesamaran, yang belum jelas halal haramnya adalah perkara syubhat yang mesti dijauhi, demi menjaga maruah diri dan kesucian agama. Asas kepada pendalilan ini adalah rujukan kepada semua jenis hukum dalam kehidupan manusia agar seseorang itu tidak melanggar hukum yang digariskan oleh Islam.

Dalam kaedah berkaitan halal dan haram di dalam Islam pula, seorang Muslim tanpa mengira pangkat, kedudukan dan keturunan, maka segala hukum hakam yang dikenakan ke atasnya adalah mutlak hak Allah SWT. seperti kaedah yang menyebut:

أن التحليل والتحریم من حق الله تعالى ولا يستطيع إنسان كائن من كان أن یحرم من عنده أو أن یحلل

Sesungguhnya menghalalkan dan mengharamkan adalah hak Allah semata-mata dan tidak mampu seorang insan itu mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram.

Dalam kaedah yang lain juga menyebut:

الحرام حرام والحلال حلال لكن من أكبر الكبائر أن تحلل الحرام أو أن تحرم الحلال

Yang haram itu haram dan yang halal itu halal, akan tetapi antara dosa-dosa besar ialah menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal.

Oleh yang demikian, seseorang itu wajib mengetahui dalil bagi setiap hukum sebelum hukuman diberikan. Ini adalah untuk mengelakkan daripada kesilapan dalam berhukum. Namun, terdapat beberapa pengecualian dalam hukum jika terdapat kesamaran dari sudut penghujahan sama ada dari sudut pensabitan dan dalil (ظنية) (الثبوت و ظنية الدلالة) di mana ianya memerlukan ijtihad para ulama' dalam mengeluarkan hukum. Rasulullah SAW sendiri mengiktiraf perbuatan ijtihad ini sebagai perkara ibadah kerana seorang mujtahid itu sedaya upaya menggunakan kekuatan akal dan ilmunya (*fiqh*) untuk menyelesaikan masalah hukum yang tertentu (al-Syafie, 1939). Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَصَابَ فَلَهُ أَجْرَانِ وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أخطأَ فَلَهُ أَجْرٌ

Seorang hakim apabila dia berijtihad, kemudian ijtihadnya betul maka ke atasnya dua pahala, dan apabila dia berijtihad kemudian berlaku kesalahan maka ke atasnya satu pahala."

(Sahih Muslim, Kitab Nawaqid al-Iman, Bab Nawaqid al-Iman fi Bab al-Nubuwwat, No. 1716)

Ini menunjukkan peranan hukum (halal dan haram) di dalam Islam adalah sesuatu yang sangat dekat dalam kehidupan seorang Muslim kerana ianya merupakan konsep *ta'abbudi* (pengabdian diri kepada Allah) yang merujuk kepada peranan seorang hamba untuk beribadah kepada penciptanya sama ada melaksanakan suruhanNya atau meninggalkan laranganNya. Oleh yang demikian, kedatangan Islam adalah untuk memperbetulkan amalan yang salah dan sesat seperti yang berlaku di zaman jahiliyyah apabila mereka mengharamkan sesuatu yang halal dan menghalalkan sesuatu yang diharamkan (Qardawi, 1980). Maka dalam perkara ibadah mahu pun muamalat, setiap hukum perlu dilihat dalam konteks yang zahir kerana setiap hukum itu dikenakan terhadap perbuatan bagi seorang mukallaf.

Dalam masa yang sama, Allah SWT juga memberi penegasan terhadap peranan niat dalam perbuatan seseorang. Firman Allah Taala:

Dan sesiapa yang berazam melakukan di situ sebarang perbuatan yang dilarang dengan cara yang zalim, Kami akan merasakannya azab yang tidak terperi sakitnya.

(al-Hajj, 22: 25)

Rasulullah SAW juga amat mengambil berat soal yang berkaitan dengan niat atau matlamat dalam perbuatan seseorang. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ
وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Bahawa sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan bahawa sesungguhnya bagi setiap orang apa yang dia niatkan. Barangsiapa yang hijrahnya menuju kepada Allah dan RasulNya, maka hijrahnya kepada Allah dan RasulNya. Barangsiapa yang hijrahnya kerana dunia yang dia mahu mencari habuannya, atau kerana seorang perempuan yang dia mahu kahwininya, maka hijrahnya ke arah perkara yang ditujunya itu.

(Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, Bab Ma ja' Inna al-A'mal bi al-Niyat wa al-Hisbah, No. 1)

Antara lain juga, menurut pendapat yang sahih, keazaman yang kuat juga akan menerima balasan, sama ada baik atau buruk. Hal ini dijelaskan oleh majoriti ulama fiqh dan usul fiqh (al-Suyuti, 1999). Antara lain Nabi SAW. bersabda:

إذا التقى المسلمان فالقاتل والمقتول في النار فقلت يا رسول الله هذا القاتل فما بال المقتول قال إنه كان حريصا على قتل صاحبه.

Apabila dua orang Muslim bertarung dan saling menghunus pedang, yang terbunuh dan membunuh kedua-duanya masuk neraka. Aku bertanya: wahai Rasulullah, ini adalah balasan yang membunuh (masuk neraka adalah patut), tetapi bagaimana keadaan yang terbunuh? Baginda menjawab: kerana ia juga berazam untuk membunuh lawannya.

(Sahih al-Bukhari, Kitab al-Fitan, Bab Iza lItaqa Muslimani bisaifihima, No. 6672)

Dalil-dalil di atas adalah merupakan asas kepada penghujahan peranan niat atau objektif sesuatu perkara itu dilaksanakan. Bahkan niat adalah perkara yang diambil kira dalam proses hukuman bagi pesalah *qisas* atau *hadd*. Dalam perkara muamalat, terdapat beberapa kaedah fiqh yang menjurus kepada niat dan matlamat sebagai pemberat dalam sesebuah akad. Dalam sebuah kaedah yang menyebut العبرة في

المباني yang memberi maksud, "sesuatu akad itu berdasarkan maksud dan makna bukan lafaz dan bentuknya". Dalam kaedah lain yang berasal daripada Imam al-Qarafi al-Maliki di dalam kitabnya "al-Furuq" juga ada menyebut العقود لا يفيد مقصوده يبطل yang membawa maksud, "akad yang tidak mencapai maksudnya adalah terbatal". Ini bermaksud, sekiranya seseorang itu melakukan akad tetapi mempunyai niat atau maksud yang tidak diharuskan oleh syarak, maka akad itu akan terbatal. Kaedah ini diguna pakai oleh ulama' dalam mazhab Maliki dan Hanbali, bagaimana pun mazhab Syafie dan hanafi menggunakan kaedah yang bertentangan daripada kaedah yang telah disebutkan.

Berdasarkan kedua-dua kaedah tersebut, para ulama' mazhab berbeza pandangan dalam hal sah atau batalnya sesuatu akad itu. Pandangan pertama memberi perhatian kepada dasar atau inti pati (*substance*) sesuatu amalan atau akad. Dalam erti kata lain, matlamat dan tujuan menjadi ukuran utama apabila berlaku percanggahan antara sesuatu yang dilafazkan dan dengan apa yang diniatkan. Ibn

Rusyd menjelaskan dalam kitabnya المقدمات والممهديات dengan lafaz إنما للمعاني yang bermaksud “di mana hukum-hukum itu adalah untuk makna-makna”. Ia membawa maksud yang dianggap dalam akad adalah maksud-maksud dan makna-makna, bukan lafaz-lafaz dan bentuk-bentuk perkataan (al-Hariri, t.t).

Bagi pandangan yang pertama, Maliki dan Hanbali mengatakan batal bagi sebarang transaksi yang mempunyai niat untuk melanggar tujuan hukum Allah SWT. Sebagai contoh dalam transaksi *bay` al-`inah*, iaitu mekanisme jual beli untuk berhutang, maka ianya terbatal kerana mempunyai objektif yang boleh membawa kepada kerosakan iaitu ke arah riba. Begitu juga dalam contoh yang lain, seperti menjual anggur dalam skala yang besar kepada pengusaha arak dan menjual senjata kepada musuh orang Islam, atau melakukan hasutan yang menyebabkan permusuhan dan pergaduhan dan lain-lain. Maka kesemua contoh-contoh ini merupakan jalan kepada mudarat atau kerosakan yang besar, maka ianya mesti dielakkan berdasarkan *prinsip sadd al-zarai`* (menutup pintu kerosakan) (al-Raisuni, 2006). Dalam hal ini Allah SWT berfirman:

Dan janganlah menggunakan tanganmu ke arah kehancuran.

(al-Baqarah, 2: 195)

Dalam sebuah kaedah fiqh pula mengatakan *درء المفسد مقدم على جلب المصالح* yang bermaksud “mengelak daripada kerosakan didahulukan daripada mendapatkan kebaikan”. Dalam kaedah ini memberi maksud bahawa sekiranya berlaku pertembungan antara *mafsadah* dan *maslahah* dalam perbuatan atau membuat keputusan, maka didahulukan menolak *mafsadah* itu sendiri (al-Zarqa, 1989). Kerosakan di sini akan menyebabkan kesan yang lebih buruk kepada seorang individu atau masyarakat secara keseluruhannya berbanding mendapatkan *maslahah* yang tidak memberi kesan buruk walaupun tidak dilaksanakan.

Manakala menurut Syafie dan Hanafi, mereka membezakan antara sah atau batalnya sesuatu akad dengan kebaikan atau kerosakan daripada matlamat atau niatnya. Menurut mereka, sesuatu akad itu akan sentiasa sah sekiranya semua syarat dan rukun berkaitan akad tersebut dapat dipenuhi, manakala niat disebalik setiap perbuatan itu diserahkan kepada Allah SWT yang maha adil. Sebagai contoh, dalam kes *bay` al-`inah* (jual-beli semula), menurut Abu Bakr Ibn `Arabi, *bay` al-`inah* diharamkan kerana matlamatnya ke arah kerosakan walaupun kelakuan itu mustahil untuk diketahui niatnya. Oleh itu, walaupun asas kepada hukum di dalam Islam adalah melalui dalamannya (niat), tetapi Islam juga melihat hukum kepada luarannya. Ini dapat dilihat daripada hukum bermusafir kerana kesukarannya. Bermusafir itu dapat dilihat melalui perbuatan tersebut walaupun definisi kesukaran itu tidak dapat dilihat atau diukur (al-Raisuni, 2006). Jadi jelas di sini, sesuatu perbuatan yang mengundang kepada hukum yang haram tidak bermaksud ianya membatalkan akad tersebut (sekiranya memenuhi rukun dan syarat), dan begitu juga sebaliknya. Ini adalah kerana niat seseorang itu amat sukar untuk diketahui melainkan Allah SWT., dan kerana itu hukum di dalam muamalat dilihat dari sudut zahirnya dan bukan niatnya. Dalam hal ini, Imam al-Syafie menjelaskan posisi beliau terhadap *bay` al-`inah* bahawa setiap



amalan perbuatan zahir yang memenuhi setiap syarat dan rukun, maka ianya tetap sah. Tetapi beliau tidak berkompromi jika niat seseorang itu merosakkan maksud daripada perbuatannya maka ia tetap haram dan berdosa (al-Syafie, 1990).

Dusuki (2008) memberi satu penjelasan bagaimana menyelesaikan isu perbezaan intipati dan bentuk (*substance and form*) di kalangan para ulama dengan membezakan antara hukum *qada'i* dan hukum *diyani*. Hukum *qada'i* merujuk kepada sesuatu akad itu hendaklah memenuhi keperluan bentuk dan cara melalui rukun dan syarat. Sekiranya rukun dan syarat sesuatu akad itu dipenuhi maka sesuatu akad itu menjadi sah. Jika sebaliknya maka dihukumkan batal. Manakala hukum *diyani* pula merujuk kepada hukum kepada pelaksanaan sesuatu akad itu sama ada diharuskan atau pun tidak. Ianya bergantung kepada matlamat atau maksud sama ada ianya memenuhi matlamat syarak atau pun sebaliknya. Oleh yang demikian, para ulama' mazhab berbeza pandangan dalam hal hukum *qada'i* akan tetapi mereka sependapat dalam hal hukum *diani*. Ini dibuktikan sendiri oleh Imam al-Syafie di dalam al-Um bahawa niat tidak membatalkan sesuatu akad jika akad itu memenuhi rukun dan syarat-syarat yang ditetapkan, namun niat seseorang itu diambil kira dalam hukum halal atau haramnya. Sebagai contoh apabila seseorang itu membeli pedang dengan niat untuk membunuh, maka sah akad jual belinya tetapi hukumnya boleh menjadi haram sebagai jalan untuk menutup pintu kerosakan atau *sad al-dharai`*. (Mokhtar, 2014).

Jika mengambil kira disiplin usul fiqh pula, hukum itu sendiri terdiri daripada hukum *taklifi* dan hukum *wad'i*. Hukum *taklifi* menurut ahli usul mengandungi lima hukum utama iaitu *ijab* (wajib), *nadb* (sunat), *ibahah* (harus), *karahah* (makruh) dan *tahrim* (haram).¹ Manakala hukum *wad'i* pula bermaksud sesuatu faktor luaran yang mewujudkan hukum yang tertentu (Nyazee, 2003). Terkandung di dalamnya elemen *sabab* (sebab), *syart* (syarat), *mani`* (halangan) dan *sihhah wa butlan* (sah dan batal).

Kedua-dua hukum (*taklifi* dan *wad'i*) ini dibezakan kerana kedua-duanya mempunyai matlamat dan kesan yang berbeza. Hukum *taklifi* merupakan sesuatu yang dihukumkan ke atas perbuatan yang sama ada dituntut untuk melakukannya atau meninggalkannya, atau pun memilih sama ada untuk melakukannya ada meninggalkannya. Kesan hukum ini juga akan menyebabkan perbuatan itu akan mendapat balasan pahala atau dosa di atas perbuatan tersebut. Manakala hukum *wad'i* tidak berkaitan dengan hukum yang membawa kepada hukum dosa dan pahala bahkan ianya merupakan faktor luaran dan mukaddimah kepada sesuatu amalan sebelum ianya dapat dilaksanakan (Zaidan, 1999).

Merujuk kepada dasar fiqh daripada kedua-dua pandangan ini, dapat disimpulkan bahawa berlaku perbezaan dari segi sah dan batal sesuatu akad itu bergantung kepada niat atau maksud seseorang, namun dari segi hukum perbuatan itu kedua-duanya sepakat bahawa niat yang tidak diharuskan syarak akan mengundang

¹ Imam Hanafi menambah dua hukum lagi iaitu *fardu* dan *makruh tahrim*. Rujuk Nyazee, 2003 dan Zaidan, 1999.

kepada dosa. Maka perbuatan tersebut haruslah dihindarkan kerana ianya mengundang dosa walaupun akad tersebut sah mengikut keperluan fiqhnya.

DILEMA INSTRUMEN EKUITI DAN INSTRUMENT JUAL/SEWA BELI

Elemen yang paling kuat dalam prinsip *maqasid al-Syariah* ialah kemaslahatan atau kebaikan kepada umat manusia (*maslahah `ammah*). Dalam perkara yang berkaitan dengan akad (*`aqd*), objektif khusus (*maqasid khassah*) adalah berbeza-beza bergantung kepada jenis akad itu sendiri. Namun objektif umum (*maqasid `ammah*) tetap terarah kepada merealisasikan *maslahah* umum dan keadilan kepada semua pihak.² Seperti mana yang disebutkan oleh al-`Iz al-Din `Abd al-Salam di dalam kitabnya *الشرعية كلها مصالح، إما درء المفاسد أو جلب المصالح* iaitu *قواعد الأحكام في مصالح الأنام* yang bermaksud Syariah keseluruhannya adalah kebaikan, sama ada membuang kerosakan atau mengambil kebaikan.

Manakala dalam konteks fiqh yang berasaskan tekstual pula merujuk kepada asas rukun (*rukun*) dan syarat (*syart*) sebagai perkara pokok kesahan atau terbatal sesuatu amalan sama ada ibadah atau muamalat. Demikian halnya dalam akad (*`uqud al-musamma*), ianya mesti memenuhi perkara rukun dan syarat yang tertentu demi memastikan unsur *riba*, *gharar* dan *maisir* dapat dihindarkan. Walaubagaimana pun perkara tekstual iaitu rukun dan syarat di dalam akad tidaklah berdiri dengan sendirinya sebagai objektif bahkan ianya adalah jalan (*wasilah*) atau alat untuk memenuhi keperluan dalam membuat hukum (*istinbat*). Hal ini menjadi cabaran besar kepada pihak-pihak terlibat dalam membangunkan sebuah akad yang mampu mengimbangi antara keperluan *wasilah* dan *maqasid* yang menjadi asas perbincangan dalam kertas ini.

Beberapa tokoh penting kewangan Islam memberikan pandangan bahawa sudah tiba masanya institusi perbankan Islam beralih daripada sistem berasaskan instrumen jual beli atau *non profit loss sharing* kepada instrumen berasaskan ekuiti atau *profit loss sharing* sebagai cara untuk mencapai *maqasid al-Syariah*. Dalam sebuah Forum Global Bank Pembangunan Islam (2012) di Sudan, beberapa pengucapnama telah menyatakan hasrat untuk memperkasakan sistem kewangan Islam yang berasaskan perkongsian untung dan rugi dan ianya menjadi resolusi dalam persidangan tersebut (Fakhri Sungit, 2015).

Mustafa al-Zarqa memberikan pandangan bahawa akad harus diamalkan dan diselaraskan dengan prinsip moral. Moral dilihat mempunyai kesinambungan dengan menegakkan prinsip *maqasid al-Syariah* yang menitikberatkan soal objektif yang legal dari sudut syarak (Kamali, 2017). Sekiranya akad yang dibangunkan itu tidak diteliti dari

² Objektif umum dan objektif khusus dalam perbincangan *maqasid al-syariah* telah diuraikan dengan panjang lebar oleh Imam Ibn Asyur. Kepentingan setiap klasifikasi objektif itu adalah sebagai kaedah untuk merealisasikan objektif utama dalam syarak. Manakala Raisuni pula mengklasifikasikan objektif syariah kepada *maqasid kulli* dan *maqasid juz'i*. Kedua-duanya mempunyai maksud yang sama. Lihat Kamali, M.H. 1999. *The Objectives of Islamic Law*. Pakistan: Islamic Research Institute.



sudut moral --- sikap apologetik terhadap *hilah* riba --- maka berlakulah penyelewangan terhadap objektif dan semangat syarak itu sendiri.

Seorang tokoh penting ekonomi Islam seperti Umer Chapra (2000a, 2000b) mencadangkan sistem perkongsian untung rugi ini diamalkan berbanding sistem berasaskan jual beli. Beliau menyokong instrumen yang berasaskan ekuiti kerana ianya meletakkan keutamaan kepada tanggungjawab dan kebajikan sosial di samping memperkasakan komitmen agama dalam merealisasikan *maqasid al-Syariah*. Apabila keadilan sosial diletakkan sebagai objektif tertinggi dalam menguruskan sumber dan ekonomi Islam, maka instrumen berasaskan jual beli perlu digantikan kepada instrumen berasaskan ekuiti. Dalam sebuah karya yang lain, Chapra (2008) memberikan rasional untuk mengislamisasikan ekonomi yang bertunjangan prinsip *maqasid al-Syariah*, dengan meletakkan prinsip keadilan sosial sebagai matlamat.

Melalui pemerhatian Chapra terhadap aktiviti perniagaan, institusi kewangan Islam sepatutnya tidak bertindak sebagai agen atau pusat memaksimumkan ekonomi akan tetapi memberi perhatian untuk memberi imbalan kepada hak dan tanggungjawab kepada individu di dalam masyarakat keseluruhannya. Dua puluh enam orang ahli ekonomi Islam termasuk Chapra, Nejatullah Siddiqui, Habib dan lain-lain, bersetuju dengan pandangan bahawa perbankan Islam merupakan *subset* kepada ekonomi Islam yang berusaha untuk mencapai keadilan, kesaksamaan dan keseimbangan masyarakat seperti yang terdapat dalam visi *maqasid al-Syariah* (Kamali, 2017).


Sistem perbankan pada hari ini telah membangunkan beberapa inovasi produk yang meragukan bukan sahaja dari sudut kombinasi akad tetapi juga memasukkan pelbagai elemen syarat yang mengundang kepada gangguan terhadap prinsip *maqasid*. Terdapat banyak akad yang digabungkan seperti *ijarah* dengan jual beli, *musyarakah* dengan jual beli, *murabahah* dengan janji (*wa'd*) dan/atau *wakalah*, kredit dengan caj perkhidmatan dan sebagainya. Hal ini menjadi gangguan kepada matlamat untuk merealisasikan objektif syarak. Dalam kenyataan yang lain, institusi perbankan kini mengalami sindrom *murabahah*. Kecenderungan kepada sindrom *murabahah* ini adalah kerana kebimbangan institusi perbankan terhadap risiko kepada pengurangan ekuiti dalam aktiviti pelaburan (Yousef, 2004).

Walau bagaimanapun, senario ini sangat berbeza dengan perspektif atau harapan daripada pengamal dalam industri perbankan. Antara faktor utama yang membentuk cara fikir dan amalan mereka adalah kerana halangan daripada suasana operasi perbankan konvensional yang dominan hingga menjadikan perbankan Islam harus mengikut arus perdana supaya ianya kekal kompetitif dan berdaya saing. Oleh kerana bank konvensional mengamalkan sistem faedah, maka perbankan Islam harus mengadaptasi sistem yang mampu mengurangkan risiko operasinya juga. Ini adalah untuk menjaga kepentingan pendeposit yang meletakkan wang mereka di institusi bank tersebut. Sekiranya mereka mengamalkan sistem instrumen ekuiti dalam pembiayaan maka dibimbangi akan berlaku kerugian dalam pelaburan tersebut. Ini menjadikan perbankan Islam tidak kompetitif dan tidak mendapat kepercayaan daripada orang ramai. Halangan lain juga dikenalpasti daripada sistem perundangan

semasa yang mendorong kepada amalan rejim cukai yang tidak menyebelahi institusi perbankan Islam.

Gambarajah 1 menunjukkan statistik pembiayaan Islam di bank-bank tempatan bagi tahun 2015-2017. Pembiayaan yang berkonsepkan *bay' bi thaman ajil* (BBA), *ijarah thumma al-bay'* (AITAB) dan *murabahah* merupakan pembiayaan yang paling tinggi ditawarkan oleh institusi bank tempatan. Manakala *musyarakah* dan *mudarahah* kurang ditawarkan kerana ianya sangat terdedah kepada risiko dalam pelaburan. Statistik menunjukkan *musyarakah* dan *mudarahah* hanya mewakili dua belas peratus daripada keseluruhan kaedah pembiayaan dan selebihnya adalah pembiayaan berasaskan jual/sewa-beli.

Rajah 1: Statistik Pembiayaan Islam 2015-2017



(Sumber: Bank Negara Malaysia, 2017)

Secara realitinya, adalah sesuatu yang mustahil untuk menjadikan institusi perbankan berperanan seperti syarikat pelaburan. Kedua-dua institusi tersebut mempunyai matlamat dan modus operandi yang berbeza. Institusi perbankan lebih berperanan sebagai perantara kepada orang ramai yang meletakkan deposit ke dalam bank. Tugas bank hanya menjaga amanah yang telah diberikan oleh pelanggan di samping memenuhi sekurang-kurangnya tiga jangkaan atau harapan daripada pendeposit iaitu (i) tahap keselamatan yang tinggi, (ii) tahap kecairan (*liquidity*) yang tinggi, dan (iii) kemampuan memberikan pulangan yang tinggi. Jika diperhalusi, ketiga-tiga harapan ini memerlukan satu mekanisme pengurusan kewangan yang cekap dan dalam masa yang sama, setiap operasinya hendaklah mengikut prinsip muamalat Islam yang ketat agar tidak terlibat dengan amalan riba yang diharamkan. Ini memberikan cabaran yang sangat besar kepada perbankan Islam untuk menyaingi bank konvensional yang mampu memenuhi hasrat pendeposit seperti yang telah disebutkan. Ini disebabkan oleh kaedah konvensional yang tidak terikat dengan hukum syarak di dalam Islam.

Manakala syarikat pelaburan pula hanya tertumpu kepada aktiviti pelaburan yang menggunakan akad *musyarakah* atau *mudarahah*. Kebiasaannya syarikat jenis ini



memberi peluang kepada orang ramai untuk melabur dalam saham yang ditawarkan dan memberi pulangan kepada mereka. Tetapi ianya tertakluk kepada risiko kerugian kerana asas kepada akad ini adalah perkongsian untung dan rugi. Maka inilah ciri-ciri asas yang membezakan antara institusi perbankan dan institusi pelaburan.

ANALISIS AKAD ('AQD) MUSYARAKAH/MUDARABAH DAN MURABAHAH

Malaysia adalah sebuah negara yang sangat proaktif dalam melahirkan inovasi produk yang selaras dengan hukum syarak. Ini memastikan masyarakat Islam khususnya mempunyai pilihan pembiayaan kewangan yang jelas mengikut syarak. Produk berasaskan Islam ini mendapat sokongan dan dorongan daripada Bank Negara Malaysia melalui Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Akta ini adalah untuk memastikan standard dan keseragaman operasi dan urus tadbir bagi meningkatkan kepastian dan mengukuhkan pematuhan Syariah oleh institusi kewangan Islam, di samping turut berperanan sebagai satu rujukan penting yang menjadi pemangkin kepada sikap saling menghormati dalam mengeluarkan pendapat Syariah dari pelbagai negara (BNM, 2013).

Secara umumnya terdapat empat jenis akad dalam kewangan Islam yang diamalkan oleh institusi perbankan Islam iaitu akad berasaskan jual/sewa beli (*'uqud al-mu'awadat*), akad berasaskan ekuiti atau perkongsian (*'uqud al-isytirak*), akad berasaskan derma atau amal (*'uqud al-tabarru'at*) dan akad berasaskan kemaafan (*'uqud al-isqatat*) (ISRA, 2012). Oleh kerana penulisan ini memberi fokus terhadap dilema untuk menghasilkan produk yang menjaga kepentingan awam dan institusi perbankan, maka analisis seterusnya adalah untuk menilai kedua-dua instrumen berasaskan akad jual/sewa beli dan akad berasaskan ekuiti atau perkongsian.

Analisis Akad ('Aqd) Musyarakah/Mudarabah

Seperti mana dalam perbincangan sebelum ini, kebanyakan ahli ekonomi dan sarjana Islam berpendapat instrumen berasaskan ekuiti adalah sistem yang mampu meletakkan keutamaan kepada tanggungjawab dan kebajikan sosial di samping memperkasakan komitmen agama dalam merealisasikan *maqasid al-Syariah*. Tidak dapat dinafikan, tiada percanggahan di kalangan para ulama' tentang keharusan *musyarakah* dan *mudarabah* di dalam amalan umat Islam daripada zaman yang terdahulu hingga hari ini. Al-Quran dan Sunnah memberikan pengiktirafan terhadap kedua-dua akad ini di samping *ijma'* terhadap kesahannya. Walaupun terdapat beberapa perbezaan pandangan antara ulama' berkenaan akad ini namun secara umumnya ia hanyalah melibatkan perkara teknikal sahaja tetapi tidak menafikan keharusannya. Berkenaan akad *musyarakah*, Allah SWT. berfirman:

Sesungguhnya kebanyakan dalam perkongsian (perniagaan) melakukan kesalahan antara satu sama lain, kecuali bagi mereka yang beriman dan melakukan amal soleh, dan hanya sedikit dari mereka.

(al-Sad, 38: 24)

Ayat ini memberi pengiktirafan terhadap konsep perkongsian dan juga peringatan kepada rakan kongsi untuk bermuamalah dengan baik bersama rakan kongsi yang lain. Manakala *mudarabah* juga diberi pengiktirafan kerana ianya merupakan amalan masyarakat terdahulu di dalam aktiviti perniagaan dan perdagangan. Manakala Rasulullah SAW sendiri pernah bekerja sebagai *mudarib* kepada Khadijah (*rab al-mal*). Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW memberikan kebenaran untuk melakukan *mudarabah*:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ثَلَاثٌ فِيهِنَّ الْبِرْكَةُ ، الْبَيْعُ إِلَى أَجَلٍ ، وَالْمُقَارَضَةُ ، وَأَخْلَاطُ الْبُرِّ
بِالشَّعِيرِ ، لِلْبَيْتِ لَا لِلْبَيْعِ .

Ada tiga hal yang mengandungi keberkatan: jual beli tidak secara tunai, muqaradhah (*mudharabah*) dan mencampur barli dengan gandum untuk keperluan rumah tangga, bukan untuk dijual.

(Ibn Majah, Kitab: al-Tijarat, Bab: al-Syarikah wa al-Mudarabah, No. 2281)

Manakala di dalam *qiyas*, sebahagian para ulama' telah *mengqiyaskan* *mudarabah* terhadap keharusan *musaqah*. *Musaqah* merupakan kerjasama antara pemilik kebun atau tanaman dengan orang yang mengerjakannya untuk memelihara dan menjaga kebun atau tanaman dengan perjanjian bagi hasil yang jumlahnya menurut kesepakatan bersama dan perjanjian itu disebutkan dalam akad. Oleh itu, kedua-dua akad ini (*mudarabah* dan *musaqat*) adalah merupakan keperluan orang ramai (al-Kasani, 2005).

Oleh yang demikian, keharusan *musyarakah* dan *mudarabah* tidak dapat disangkal di dalam Syariat Islam kerana pengiktirafan yang diberikan oleh al-Quran, Sunnah, ijma' dan *qiyas*. Jelas sekali melalui dimensi fiqh, hukumnya adalah harus dan boleh diamalkan dengan syarat mestilah memenuhi rukun dan syarat seperti yang dibahaskan oleh para ulama'.

Dari segi maksud atau objektif khusus akad *musyarakah* dan *mudarabah* pula, ianya berasaskan kepada prinsip perkongsian untung dan rugi. Perkongsian ini secara semulajadinya akan membuatkan kedua-dua pihak yang berakad akan sentiasa memberikan komitmen terhadap tugas masing-masing agar manfaat keuntungan akan dikongsi bersama (mengikut perjanjian yang dipersetujui). Manakala kesilapan daripada mana-mana pihak boleh menyebabkan berlakunya kerugian, maka terdapat elemen positif di dalam amalan ini iaitu --- sekurang-kurangnya --- (i) sentiasa memberikan kepercayaan yang tinggi kepada rakan kongsi, (ii) masing-masing memainkan peranan dan tugas yang diberikan, dan (iii) memberikan sepenuh komitmen terhadap tugas masing-masing. Sudah tentu amalan ini jauh daripada konsep riba kerana ianya terdedah kepada untung dan rugi. Dalam amalan riba, tiada usaha diperlukan, tetapi hanya memerlukan modal sahaja untuk memperolehi keuntungan tanpa akad jual beli. Hal ini selaras dengan prinsip umum bahawa sesiapa yang menginginkan suatu keuntungan hasil daripada usahanya, maka hendaklah dia bersedia juga untuk mengambil risiko. Dalam sebuah kaedah fiqh yang berasal



daripada hadis iaitu *الخروج بالضمن* yang membawa maksud hasil usaha mendapatkan keuntungan disebabkan oleh keharusan menanggung kerugian. Dalam kaedah fiqh yang lain juga menyebut *الغرم بالغنم* yang membawa maksud keuntungan muncul bersama risiko (al-Nadwi, 1414/1994).

Kesediaan kedua-pihak yang berakad untuk berkongsi untung dan rugi memberikan implikasi yang positif dan kondusif terhadap pertumbuhan ekonomi secara mikro dan makro. Instrumen berasaskan perkongsian untung dan rugi ini akan menggalakkan kecairan dan kitaran harta di dalam masyarakat melalui aktiviti perniagaan dan perdagangan di samping mengelakkan daripada pembekuan harta. Pembekuan harta akan menyebabkan pembangunan tidak dapat dicapai kerana pengagihan harta hanya tertumpu kepada pihak tertentu sahaja. Ini berbeza dengan instrumen berasaskan jual/sewa beli kerana kitaran pendapatan sentiasa asing daripada ekonomi sebenar (*real economy*) (Abdul Karim, 2012). Selain itu, jika berlaku kerugian, maka kedua-dua pihak harus menanggungnya bersama. Ini memberikan keadilan di mana tiada pihak yang akan tertindas atau dizalimi di mana mereka harus bertanggungjawab hasil daripada aktiviti pelaburan yang dijalankan. Objektif khusus *musyarakah* dan *mudarabah* di atas adalah merupakan jalan atau *wasilah* yang dapat merealisasikan objektif ekonomi Islam iaitu *al-falah* (kejayaan).³ Untuk mencapai *al-falah* maka objektif ekonomi hendaklah didasari pembangunan keadilan sosial, persaudaraan dan persatuan di kalangan masyarakat.

Analisis Akad ('Aqd) Murabahah

Manakala konsep akad berasaskan jual/sewa beli merupakan instrumen yang paling kerap digunakan oleh institusi kewangan Islam. Menurut Kahf (2006), *murabahah* ialah kaedah pembiayaan yang paling popular sehingga mencapai antara lapan puluh ke sembilan puluh peratus daripada keseluruhan kaedah pembiayaan. Salah satu daripada faktornya adalah kerana konsep *mark-up* yang mampu memberikan pulangan keuntungan yang berlipat kali ganda. Terdapat sekurang-kurangnya sepuluh ciri-ciri *murabahah* yang diamalkan oleh sistem perbankan Islam pada hari ini. Ciri-cirinya termasuk (i) pihak bank memiliki komoditi walaupun dalam tempoh yang pendek, (ii) pihak bank menanggung liabiliti di sepanjang tempoh pemilikan --- untuk menunjukkan jual beli sebenar dan bukannya semata-mata sebagai pembiaya

³ Objektif umum ekonomi Islam seperti yang dibahaskan oleh kebanyakan sarjana ekonomi Islam adalah untuk mencapai *al-falah* atau kejayaan. Kejayaan di sini merangkumi kejayaan di dunia dan akhirat, di mana hasil pengumpulan dan pengagihan harta adalah melalui hukum yang diharuskan oleh syarak dan bukannya dengan cara yang batil atau yang diharamkan. Lihat Ahmad, K., *Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam*. (Islamabad: IPS, 1986), 339-357. Chaudhry, M.S., *Fundamentals of Islamic Economic System*. (Lahore: Burhan Education and Welfare Trust Lahore, 1999). Khan, M. A., *An Introduction to Islamic Economics* (Pakistan: Ansari International Institute of Islamic Thought and Institute of Policy Studies, 1994). Maududi, S. A. A., *Economic System of Islam*, (Lahore: Islamic Publication Ltd., 1984). Chapra, M. U., *Objectives Of The Islamic Economic Order*, (Leicester: The Islamic Foundation, 1979). Zaman, A., *Islamic Economics: A Survey of the Literature*, (UK: Religions and Development Research Programme Birmingham, 2008).



kewangan ---, (iii) transaksi melalui proses pesanan, perjanjian untuk beli, akad wakil dan akad jual beli, (iv) melibatkan barang yang sebenar ketika proses jual beli, (v) saiz pembiayaan tidak boleh melebihi harga kos tambah keuntungan, (vi) penjadualan semula untuk penambahan dan pengurangan tidak dibenarkan, jadi tidak dibenarkan pengumpulan atau kewujudan lapisan hutang, (vii) bagi pihak bank, transaksi bermula dengan pengeluaran tunai dan diakhiri dengan tunai masuk, (viii) *murabahah* mewujudkan hutang kepada pelanggan yang mempunyai persamaan dengan bank konvensional, (ix) *murabahah* adalah tertakluk kepada cagaran, jaminan, gadaian dan pelbagai kaedah pengurusan risiko, dan (x) ringkas dan mudah untuk difahami (Kahf, 2006).

Perbahasan selanjutnya adalah untuk menganalisis produk berasaskan jual/sewa beli dari dimensi *maqasid al-Syariah*. Secara umumnya, pembiayaan berasaskan jual/sewa beli ini adalah untuk memenuhi keperluan kewangan individu seperti mendapatkan pembiayaan memiliki rumah, memiliki kenderaan dan pinjaman peribadi. Bagi pembiayaan rumah, produk yang digunakan ialah *bay' bi thaman ajil* (BBA) dan *musyarakah mutanaqisah* (MM). Bagi pembiayaan kenderaan, produk yang digunakan ialah *al-ijarah thumma al-bay'* (AITAB), manakala pinjaman peribadi ialah *bay' al-'inah* dan *tawarruq*.

Sarjana yang berpegang kepada matlamat-falsafah ekonomi Islam menganggap produk sedemikian dilihat sebagai jalan belakang kepada riba kerana mekanisme yang digunakan tetap berasaskan kadar keuntungan seperti yang digunapakai oleh perbankan konvensional. Walau bagaimana pun secara fiqhnya, ia adalah harus kerana terdapat elemen jual beli yang diharuskan, di samping pelaksanaan akad yang jelas dan tidak berlaku kerosakan. Namun, adakah produk sebegini tidak mencapai objektif Syariah seperti yang dinyatakan oleh sarjana yang disebutkan sebelum ini? Hasil daripada analisis deduktif mendapati sebahagian produk yang berasaskan jual/sewa beli ini memenuhi tuntutan objektif khusus di dalam penjagaan harta, dan terdapat juga sebahagiannya tidak mencapai objektif khusus. Analisis *maqasid* khusus adalah seperti perbincangan di bawah:

1. Berdasarkan kepada kaedah fiqh iaitu العبرة في العقود للمقاصد والمعاني لا للألفاظ والمباني dan العقود لا يفيد مقصوده يبطل dan perlu dilihat kepada maksud dan bukannya lafaz dan akad yang tidak mencapai maksud dibenarkan syarak akan menyebabkan akad terbatal. Dalam hal ini, perlu dilihat semula matlamat kepada pembiayaan seperti BBA dan MM⁴ walaupun sebahagian mengandaikan bahawa ianya adalah jalan belakang kepada riba, namun niat seseorang individu itu adalah untuk memiliki rumah atau aset yang bersifat *daruriyyat*. Maka, niat seseorang itu bukan untuk membuat pinjaman ke atas barang ribawi (pinjaman untuk mendapatkan wang) tetapi komoditi yang bersifat bukan ribawi. Tambahan pula, tempat

⁴ MM merupakan kontrak yang berasaskan instrumen ekuiti (kombinasi akad *musyarakah*, *ijarah* dan *bay'*), namun amalan dan proses pelaksanaan MM di Malaysia tetap bermatlamatkan jual beli.

tinggal atau rumah dianggap sebagai keperluan *daruriyyat* dan memiliki rumah adalah satu kewajipan, maka tiada jalan lain yang boleh dilakukan selain daripada membuat pembiayaan yang patuh syarak. Keadaan ini amat berbeza pada zaman terdahulu, rumah didirikan secara gotong royong, namun hari ini keadaannya berbeza. Dalam kaedah fiqh yang lain ada menyatakan إذا

ضاق الأمر إذا اتسع وإذا اتسع الأمر ضاق yang bermaksud, jika keadaan itu sempit maka diluaskan, dan jika ianya luas maka disempitkan. Pembiayaan BBA dan MM dilihat sangat relevan diamalkan ketika ini jika dilihat kepada situasi dan realiti masyarakat, di samping ianya mempunyai nilai menang-menang antara pihak bank dan pelanggan yang sangat menjurus kepada pencapaian objektif khusus penjagaan harta dan seterusnya mencapai objektif umum iaitu *masalahah*.

2. Berdasarkan kepada kaedah fiqh yang sama di atas, matlamat pembiayaan kenderaan juga dianggap memenuhi tuntutan objektif khusus, kerana kenderaan pada hari ini adalah barangan yang bersifat *daruriyyat*. Hampir setiap orang memiliki kenderaan kerana ianya merupakan alat untuk pergi bekerja dan kemudahan pengangkutan untuk melakukan aktiviti tertentu. Seperti BBA dan MM, AITAB mempunyai objektif yang sama iaitu memberi sewaan kepada pelanggan dan diakhiri dengan akad jual beli. Ianya juga tidak melanggar matlamat syarak dan jalan belakang kepada riba kerana niat seseorang itu untuk memiliki kenderaan bukannya untuk mendapatkan pinjaman kewangan yang bersifat ribawi.
3. Bagi pinjaman peribadi yang berasaskan *bay' al-'inah*, keharusannya adalah bersandarkan kepada jual beli (menurut Imam al-Syafie). Namun jika dilihat dari dimensi *maqasid*, ianya tidak menepati kehendak syarak kerana jelas niat seseorang itu adalah untuk mendapatkan pinjaman kewangan iaitu sesuatu yang bersifat *ribawi*. *Hilah* yang wujud adalah terlalu kuat dan tidak mampu untuk dilindungi. Walau bagaimanapun, Imam al-Syafie tetap mengharamkannya jika dilihat bentuknya yang tetap ke arah riba, dan oleh sebab itu, operasinya hendaklah dilaksanakan secara berhati-hati. Manakala *tawarruq* muncul untuk menggantikan *bay' al-'inah* yang dilihat terlalu jelas maksud ke arah riba. Oleh itu ianya merupakan mekanisme yang paling sesuai untuk sekurang-kurangnya menjauhkan diri daripada bayang-bayang riba yang boleh merosakkan objektif syarak dalam kewangan Islam. Jalan penyelesaiannya ialah, pihak bank harus melihat kemungkinan untuk mengamalkan kembali tradisi *qard al-hasan*⁵ walau pun ianya mungkin idealistik daripada perspektif industri.

KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan bahawa fokus utama ulama' klasik dalam perihal muamalat adalah dari sudut halal dan haram memandangkan aktiviti ekonomi pada masa

⁵ Penulis mencadangkan dalam kajian yang lain untuk membangunkan produk *qard al-hasan* yang bersifat hybrid, di mana terdapat gabungan akad-akad yang lain demi menjaga *masalahah* pihak bank (untuk mengurangkan risiko), di samping memenuhi tuntutan *maqasid al-Syariah*.



tersebut adalah jauh lebih mudah jika dibandingkan dengan dimensi ekonomi dan perniagaan pada zaman moden yang lebih kompleks. Cabaran yang dilalui ketika ini lebih sukar kerana evolusi kewangan yang sentiasa berubah daripada semasa ke semasa dan memerlukan ijtihad yang rapi. Namun, perbahasan dasar kepada muamalat telah diselesaikan sejak dahulu lagi. Dilema perbankan dan kewangan Islam ini harus diselesaikan dengan memahami permasalahan secara menyeluruh dan membuat penyelesaian mengikut kerangka yang memberi imbalan antara hukum secara tekstual dan kontekstual.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul Karim Abdullah. 2012. *Profit and Loss Sharing: The Flagship of Islamic Banking*. t.p.

Ahmad, K. 1986. *Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam*. Islamabad: IPS.

BNM. 2013. *Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2013*. KL: Bank Negara Malaysia.

BNM. 2017. *Monthly Highlights and Statistics April 2017*. KL: Bank Negara Malaysia.

Chapra, M. U. 1979. *Objectives Of The Islamic Economic Order*. Leicester: The Islamic Foundation.

Chapra, M.U. 2000a. *The Future of Economics: An Islamic Perspective*. Leicester: The Islamic Foundation.

Chapra, M.U. 2000b. Why has Islam Prohibited Interest: rational behind the Prohibition of Interest. *Review of Islamic Economics*, 9, 5-20.

Chapra, M.U. 2008. *The Islamic Vision of Development in the Light of Maqasid al-Shariah*. Jeddah: IRTI.

Chaudhry, M.S. 1999. *Fundamentals of Islamic Economic System*. Lahore: Burhan Education and Welfare Trust Lahore.

Dusuki, A.W. 2008. A Critical Appraisal on the Challenges of Realizing Maqasid al-Shari'ah In Islamic Banking and Finance. *Journal of Economics and Management*.

Fakhri Sungit. 2015. *Economic and Human Development Programs in the Muslim World: A Case Study of the Islamic Development Bank*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Al-Hariri, I.M.M. t.t. *al-Madkhal ila Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kulliyah*. t.p.



- ISRA. 2012. *Islamic Financial System: Principles and Operations*. KL: International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA).
- Kahf, M. 2006. *Islamic Finance: Business as Usual*. t.p
- Kamali, M.H. 1999. *The Objectives of Islamic Law*. Pakistan: Islamic research Institute.
- Al-Kasani, A.B. 2005. *Bada'i al-Sana'i'a fi Tartib al-Syara'i*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Khan, M. A. 1994. *An Introduction to Islamic Economics*. Pakistan: Ansari International Institute of Islamic Thought and Institute of Policy Studies.
- Laldin, M. Akram. 2013. Developing Islamic Finance in the Framework of Maqasid al-Shariah: Understanding the Ends (Maqasid) and the Means (Wasa'il). *International Journal Islamic and Middle Eastern Finance and Management* Vol. 6 No. 4. pp. 278-289.
- Maududi, S. A. A. 1984. *Economic System of Islam*. Lahore: Islamic Publication Ltd.
- Mokhtar, W. 2014. *Maqasid al-Syariah 'inda al-Imam al-Syafie*. Qahirah: Dar al-Salam.
- Al-Nadwi, 'Ali Ahmad. 1414/1994. *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Nyazee, I.A.K. 2003. *Islamic Jurisprudence*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Qarafi. t.t. *al-Furuq*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Qardawi, Yusof. 1980. *Halal dan Haram di dalam Islam* (terj.). Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Raisuni, A. 2006. *Imam al-Shatibi's Theory of the Higher Objectives and Intents of Islamic Law*. US: The International Institute of Islamic Thought.
- Sung, R.L. 2001. *Islamic Banking in Malaysia*. *The Southeast Asian Review*. Vol. 11 269-285.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. 1999. *Al-Asybah wa al-Nadhair*. Jil. 3 Beirut-Libanon: Muassasah al-Kutub al-Tsaqofiyah.
- Al-Syafie, Muhammad Bin Idris. *Al-Risalah*. 1990. Ed. Ahmad Muhammad Syakir. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Yousef, T.M. 2004. The Murabahah Syndrome in Islamic Finance: Laws, Institutions and Politics. Dlm. Henry, C.M. & Wilson, R. (Editor), *The Politics of Islamic Finance*, hlm. 63-80. Edinburgh: Edinburgh University Press.



The current issue and full text archive of this journal is available at
<http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>

Zaidan, A. K. 1999. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Zaman, A. 2008. *Islamic Economics: A Survey of the Literature*. UK: Religions and Development Research Programme Birmingham.

Al-Zarqa, Ahmad Bin Muhammad. 1409/1989. *Sharh al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Damascus: Dar al-Qalam.